

# Hari Kebangsaan penuh meriah

KUALA LUMPUR 31 Ogos

— Lebih 20,000 rakyat dari segenap lapisan masyarakat, dengan penuh semangat berganding bahu dan bersatu tenaga telah mempersembahkan suatu pertunjukan gilang gemilang yang memaparkan segala "liku hidup sejarah kebangkitan negara" selama ini, melalui satu perhimpunan dan perarakan raksasa di Padang Kelab Selangor di sini pagi ini.

Persembahan paling bersejarah itu yang merangkumi unsur-unsur baru dan lama untuk menggambarkan detik-detik kemajuan negara sejak Merdeka dulu, merupakan acara kemuncak perayaan ulang tahun ke 24 Hari Kebangsaan Malaysia yang disambut dengan penuh meriah di seluruh negara hari ini.

Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong menyertai berpuh-puluh ribu orang lagi rakyat jelata yang telah keluar beramai-ramai sejak dari awal pagi lagi beresak-sesak di sekitar kawasan padang tersebut untuk turut menyaksikan persembahan yang penuh berwarna-warni itu.

Paling mengagumkan sekali ialah persembahan pancaragam raksasa oleh 2,150 orang murid-murid sekolah dari seluruh negara, perarakan kereta-kereta antik, kereta lembu dan beca-beca lama serta perbarisan angkatan tentera berpakaian seragam sebelum dan selepas merdeka yang te-

## OLEH ROSLI ISMAIL DAN ABDUL RAZAK HUSSEIN

lah membawa kembali kenangan-kenangan lama dalam liku hidup sejarah negara.

Ini ialah pertama kalinya persembahan seperti ini diadakan sempena perayaan raksaksa menyambut Hari Kebangsaan di mana unsur-unsur kemajuan dan pencapaian rakyat jelata mendahului segala aspek persembahan.

Turut hadir menyaksikan perhimpunan dan perarakan Hari Kebangsaan yang terbesar pernah diadakan itu ialah Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, timbalannya Datuk Musa Hitam dan para menteri kabinet yang lain.

## Rebana ubi

Ia bermula sebaik sahaja Yang di-Pertuan Agong yang tiba pada tepat 8 pagi memeriksa kawalan kehormatan 107 orang anggota ketiga-tiga cawangan angkatan tentera dan enam pegawai di depan pentas diraja.

Selepas baginda selesai memeriksa kawalan kehormatan, upacara menaikkan bendera Malaysia telah dimulakan dengan pukulan rebana ubi, dan kompang dan iringan bacaan sajak "Bendera Malaysia" semasa bendera itu diarak.

Sebaik sahaja bendera Malaysia diklat untuk dinaikkan oleh kumpulan pembawa bendera yang terdiri dari anggota pasukan bersen-

jata, pancaragam polis telah memainkan lagu Negaraku dan dinyanyikan oleh 200 kumpulan koir dari Maktab Perguruan Ilmu Khas.

Kemudiannya berlangsung pula upacara membaca ikrar oleh para peserta perhimpunan dengan diketuai oleh Abdul Aziz Ahmad Sujak dari Sekolah Henry Gurney bersama-sama enam orang pengiringnya yang lain. Ia diikuti pula oleh teriakan "Daulat Tuan-ku" sebanyak tiga kali.


Selepai acara itu, tembakan meriam 14 das dilepaskan diikuti oleh pertunjukan "hormat lintas lalu" oleh kapalterbang tentera udara yang terdiri dari lima buah jet F 5E, sebuah helikopter Alouette dan tiga buah Nuri.

Para hadirin kemudiannya telah dihidangkan dengan pertunjukan permainan 40 buah pancaragam oleh 2,150 murid sekolah dari seluruh negara selama 25 minit dan diikuti oleh persembahan tarian dari rentak asli hingga waltz oleh 800 anggota pandu puteri.

Ahli-ahli kumpulan pancaragam kemudiannya bergerak membentuk logo Hari Kebangsaan dan memainkan tiga lagu patriotik iaitu "Berdisiplin Berharmoni", "Kenangan Negara" dan "Pengorbanan Rakyat" serta lagu tema perayaan iaitu "Malaysia Tertcina".

Sejurus acara itu tamat, perarakan raksaksa yang dihidangi oleh kumpulan tambur tentera diikuti oleh pembawa bendera-

LIHAT MUKA 11  
(Ruangan 6)



PANDANGAN panorama sebahagian dari 20,000 orang rakyat yang mewakili berbagai lapisan masyarakat berbagai profesion sedang "senang diri" menunggu saat-saat untuk memulakan perarakan dan pertunjukan raksaksa Hari Kebangsaan di Padang Kelab Selangor Kuala Lumpur semalam.

## SAMBUTAN MERIAH

bendera berwarna warni bermula.

Perarakan itu kemudiannya disertai oleh pasukan pancaragam sekolah yang berselang seli dengan murid-murid sekolah, kakitangan kementerian, jabatan kerajaan, badan sukarela, kumpulan kaum yang berpakaian tradisi masing-masing dan juga kereta berhias.

Turut menyertai perbarisan perarakan itu ialah anggota-anggota polis dan tentera yang berpakaian seragam sebelum dan selepas kemerdekaan.

Di samping itu yang menarik perhatian orang ramai ialah perbarisan beca, kereta lembu, kereta kuda dan juga kereta-kereta antik yang kesemuanya menggambarkan kemajuan negara sejak merdeka.

Di Seremban: Lebih 3,000 orang rakyat mewakili berbagai-bagai pertubuhan telah menyertai perhimpunan Hari Kebangsaan peringkat negeri yang berlangsung di Padang Kelab Negeri Sembilan di sini.

Di Kangar: Lebih 3,000 orang ahli dari 90 buah badan sukarela, pertubuhan belia, badan politik, kakitangan jabatan kerajaan, polis, tentera dan kumpulan band serta murid-murid sekolah memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan peringkat negeri di sini pagi ini.

Di Melaka: Kira-kira 4,000 orang berhimpun di Stadium Kubu sempena menyambut ulangtahun Hari Kebangsaan peringkat Negeri Melaka hari ini.

Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Zahiruddin bin

Syed Hassan Alhaj dan Toh Puan Hajah Halimah telah hadir di perhimpunan itu sementara Ketua Menteri, Encik Mohd Adib Haji Adam menyampaikan ucapan.

Di Kota Bharu: Sultan Kelantan dan Raja Perempuan telah berangkat menyaksikan perarakan lintas sempena dengan perayaan Hari Kebangsaan di sini hari ini.

Di Kuantan: Lebih 10,000 orang telah menyertai satu perhimpunan di Stadium Darul Makmur.

Menteri Besar Haji Abdul Rahim Abu Bakar yang turut hadir telah berucap kepada perhimpunan itu.

Di Johor Bahru: Satu rapat umum raksaksa oleh lebih 25,000 orang telah diadakan di Stadium Tan Sri Haji Hassan Yunus di sini mulai pukul 6.30 pagi.

Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Osman Saat telah berucap kepada perhimpunan itu.

Di Pulau Pinang: Yang Dipertua Negeri Datuk Dr. Awang Hassan telah melepaskan 500 biji belon yang membawa sepanduk tema perayaan 'Berdisiplin Berharmoni' bagi melancarkan perayaan peringkat negeri.

Di Ipoh: Satu perarakan raksaksa mengelilingi bandar itu oleh kira-kira 25,000 orang dan kereta-kereta berhias telah diadakan.

Berpuluh-puluh ribu orang telah bersesak-sesak di sepanjang jalan-jalan yang dilalui oleh perarakan itu untuk menyaksikannya.

Sultan Perak telah berangkat untuk menyaksikan perarakan itu.